



MAJLIS DAERAH TANGKAK


مجالس دائریہ تکاک



**PELAN STRATEGIK  
2026 - 2030  
MAJLIS DAERAH TANGKAK**

**“ TANGKAK KE ARAH  
PERBANDARAN BERSIH, HIJAU  
DAN BAHAGIA ”**

*Aspirasi kita Bersama*





# PELAN STRATEGIK 2026 - 2030

## MAJLIS DAERAH TANGKAK

“TANGKAK KE ARAH  
PERBANDARAN BERSIH, HIJAU  
DAN BAHAGIA”

*Aspirasi kita Bergama*

# ISI KANDUNGAN

Muka surat

<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	<b>3</b>
<b>PERUTUSAN YANG BERHORMAT</b>	<b>4-5</b>
<b>DATO' HAJI MOHD JAFNI BIN MD SHUKOR</b>	
PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN NEGERI JOHOR	
<b>PERUTUSAN YDP</b>	<b>6</b>
<b>KATA-KATA ALUAN TUAN SETIAUSAHA</b>	<b>7</b>
<b>BAB PENDAHULUAN</b>	<b>9</b>
<b>1 LATAR BELAKANG</b>	
• PUNCA KUASA	10-12
• FUNGSI DAN OBJEKTIF	13-15
• CARTA ORGANISASI	16
<b>BAB PENCAPAIAN PRESTASI PELAN STRATEGIK</b>	<b>17-25</b>
<b>2021-2025</b>	
<b>BAB HALA TUJU STRATEGIK</b>	<b>27</b>
<b>3</b>	
• ISU DAN CABARAN	28
• PIHAK BERKEPENTINGAN	29
• PETA STRATEGIK	30
• DASAR KUALITI	31
• PIAGAM PELANGGAN	32-33
<b>BAB STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN</b>	<b>35</b>
<b>4</b>	
• OBJEKTIF STRATEGIK	36-39
• STRATEGI, PROGRAM DAN KPI	40
• TERAS STRATEGIK 1	41-43
• TERAS STRATEGIK 2	44-46
• TERAS STRATEGIK 3	48-50
• TERAS STRATEGIK 4	52-53
• TERAS STRATEGIK 5	54-55
• TERAS STRATEGIK 6	56-57
<b>BAB PENUTUP DAN PENGHARGAAN</b>	<b>59-60</b>
<b>5</b>	

# *Ringkasan* **EKSEKUTIF**

**Pelan Strategik MDT 2026-2030** adalah rujukan utama dan panduan kepada setiap bahagian dalam merancang strategi dan inisiatif secara sistematis dan bersepadu. Dokumen ini juga memusatkan segala komitmen dan fokus seluruh warga MDT bagi menjayakan visi dan misi organisasi.

Untuk memastikan Pelan Strategik ini relevan dengan situasi dan ekspektasi semasa, MDT telah melaksanakan analisis persekitaran dan mendapatkan pandangan dan cadangan daripada warga MDT. Hasil daripada pandangan dan cadangan ini dan berteraskan pendekatan Kerangka Peta Strategik, dan isu-isu strategik telah dikenalpasti.

Ekoran itu, **6 teras strategik** telah dijadikan teras yang meliputi perkara-perkara berkaitan Tadbir urus, kewangan, pembangunan, persekitaran dan kesejahteraan masyarakat. Setiap strategi disokong oleh program dan petunjuk prestasi sebagai panduan kepada bahagian untuk membangunkan aktiviti-aktiviti yang mampu mewujudkan Perkhidmatan Perbandaran yang berprestasi tinggi, dinamik dan berjiwa rakyat.

Analisis persekitaran dan Analisa SWOT telah dijadikan asas untuk mengenalpasti isu-isu strategik yang akan mempengaruhi peranan dan fungsi MDT pada masa kini dan masa hadapan. Perubahan persekitaran yang dinamik dan bercirikan kepesatan teknologi, ekonomi digital, globalisasi dan liberalisasi merupakan pembolehupaya sejagat yang boleh mempengaruhi produktiviti dan daya saing MDT.

Bagi memastikan MDT kekal relevan dalam menghadapi keperluan dan permintaan pihak pengurusan dan pegawai, Pelan Strategik MDT akan sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa bagi memastikan teras, strategi dan program yang dirancang serta dilaksanakan memenuhi keperluan dan dasar semasa berkaitan pembangunan dan pengurusan perbandaran.

Selain daripada itu pihak MDT juga akan terus memastikan pelan strategik ini sentiasa progresif, responsif serta bersifat dinamik agar pelan strategik ini dapat digunakan sebagai panduan kepada MDT untuk terus memperkasakan usaha agar mampu menaikkan nama MDT sebagai organisasi yang cemerlang dan sejahtera sekaligus memangkin peningkatan prestasi dan produktiviti.



# Perutusan

**YANG BERHORMAT DATO' MOHD JAFNI BIN MD SHUKOR  
PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN DAN KERAJAAN  
TEMPATAN NEGERI JOHOR**

# Perutusan

YANG BERHORMAT DATO' MOHD JAFNI BIN MD SHUKOR  
PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN NEGERI JOHOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh  
Salam Sejahtera, Salam Maju Johor.

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama menyaksikan satu lagi pencapaian penting bagi Majlis Daerah Tangkak, iaitu pelancaran **Buku Pelan Strategik Majlis Daerah Tangkak 2026-2030**. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga MDT di atas komitmen dan iltizam berterusan dalam merangka pelan ini demi kemajuan dan kesejahteraan rakyat di daerah ini.

Buku Pelan Strategik ini bukan sekadar sebuah dokumen perancangan, tetapi merupakan manifestasi iltizam dan visi jangka panjang Majlis Daerah Tangkak dalam memacu pembangunan setempat secara menyeluruh, mampan dan inklusif. Ia dibangunkan selaras dengan enam (6) Teras Strategik meliputi Tadbir Urus Yang Berkualiti, Hasil Yang Mencukupi, Pembangunan Yang Mampan, Persekutaran Yang Kondusif, Kesejahteraan Masyarakat dan Jalinan Kerjasama Strategik. Setiap strategi ini disusun rapi dengan mengambil kira cabaran semasa, keperluan masyarakat tempatan, serta aspirasi negeri Johor untuk kekal berdaya saing dan progresif. Pendekatan yang inklusif ini membuktikan kesungguhan MDT untuk bertindak proaktif dan berorientasikan hasil demi kesejahteraan seluruh warga daerah Tangkak.

Lebih penting lagi, pelan strategik ini turut diselaraskan dengan enam (6) Teras Maju Johor yang menjadi asas kepada pembangunan Negeri Johor di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Antaranya meliputi aspek pembangunan ekonomi, pendidikan, keselamatan sosial, kemampaman dan kebersihan alam sekitar, orang muda Johor, keterangkuman digital serta pengukuhan tadbir urus. Ini jelas menunjukkan bahawa MDT sentiasa mendokong aspirasi Kerajaan Negeri dalam memastikan agenda pembangunan negeri turut dilaksanakan secara menyeluruh di peringkat daerah.

Seiring dengan perkembangan teknologi dan Revolusi Industri 4.0, saya amat mengalui-alukan komitmen Majlis Daerah Tangkak dalam menerapkan elemen Bandar Pintar (*Smart City*) sebagai sebahagian daripada pelaksanaan strategi pelan ini. Usaha ke arah Smart City bukan sahaja berkisar kepada penggunaan teknologi, tetapi merangkumi pendekatan menyeluruh dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam, memperluas keterhubungan digital serta mengoptimumkan sumber bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Saya percaya, dengan adanya pelan strategik yang terancang dan berfokus ini, MDT mampu memainkan peranan lebih besar dalam memperkasa tadbir urus tempatan, memperkuuh hasil, serta menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Ini adalah seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri Johor untuk membangunkan Johor sebagai negeri maju yang inklusif, lestari dan berdaya tahan.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Dipertua dan seluruh warga Majlis Daerah Tangkak atas usaha gigih ini. Semoga Pelan Strategik ini menjadi pamacu kepada transformasi daerah yang lebih progresif, mampan dan sejahtera.

Sekian,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



HAJI MOHD NAZID  
BIN JASIMAN  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TANGKAK

# Perutusan

## TUAN YANG DIPERTUA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
salam Sejahtera dan Salam Maju Johor

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, Majlis Daerah Tangkak (MDT) berjaya membangunkan dan menerbitkan **Pelan Strategik Majlis Daerah Tangkak 2026-2030** sebagai panduan hala tuju dan perancangan strategik bagi tempoh lima tahun akan datang.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama, komitmen serta idea bernes dalam menjayakan penyediaan pelan strategik ini, terutamanya kepada Ahli Majlis, pengurusan tertinggi dan warga kerja MDT dalam menjayakan pelan ini.

MDT komited untuk terus menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang progresif, berintegriti dan berorientasikan perkhidmatan rakyat. Seiring dengan aspirasi Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan, Pelan Strategik ini dirangka bagi memastikan perancangan pembangunan fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar di daerah ini dilaksanakan secara seimbang, mampan dan inklusif.

Antara fokus utama pelan ini termasuklah pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan, pembangunan prasarana yang holistik, pengurusan perbandaran yang cekap, pendigitalan perkhidmatan serta pemerkasaan komuniti. MDT juga komited dalam mendukung prinsip tadbir urus baik, keterangkuman dan kebertanggungjawaban dalam setiap aspek pentadbiran.

Saya menyeru kepada seluruh warga kerja MDT agar menjadikan pelan ini sebagai rujukan utama dalam menjalankan tugas dan menyumbang kepada pencapaian matlamat yang digariskan. Oleh itu, marilah kita berganding bahu dan bergerak seiring dalam merealisasikan visi dan misi MDT.

Akhir kata, semoga Pelan Strategik Majlis Daerah Tangkak 2026-2030 ini menjadi pemacu utama ke arah pembangunan yang lebih mampan, inklusif dan sejahtera demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan Daerah Tangkak yang kita cintai.

**“BERSIH, HIJAU, BAHAGIA – Aspirasi Kita Bersama”**  
Sekian, terima kasih.

# Kata Alu-Aluan

## TUAN SETIAUSAHA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
salam sejahtera dan Salam Maju Johor

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izinnya, **Pelan Strategik Majlis Daerah Tangkak 2026-2030** berjaya disiapkan dan diterbitkan sebagai panduan rasmi dalam merangka hala tuju pentadbiran serta pembangunan tempatan bagi tempoh lima tahun akan datang.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen, sumbangan idea dan kerjasama dalam menjayakan penyediaan pelan strategik ini, khususnya Jawatankuasa Perancangan Strategik MDT, ketua-ketua Jabatan dan Unit serta seluruh warga kerja MDT yang telah menyumbang melalui sesi libat urus.

Pelan Strategik 2026-2030 ini bukan sahaja menjadi dokumen rujukan utama, malah merupakan manifestasi komitmen MDT dalam mendukung aspirasi kerajaan untuk memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berimpak tinggi, berorientasikan rakyat dan selari dengan prinsip pembangunan mampan.

Dokumen ini dibina berdasarkan visi, misi dan teras strategik yang realistik dan inklusif, merangkumi aspek pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar. Penekanan turut diberikan kepada pemantapan tadbir urus, pendigitalan perkhidmatan, penglibatan komuniti serta pemerkasaan sumber manusia bagi memastikan MDT terus relevan, cekap dan proaktif dalam mendepani cabaran semasa dan akan datang.

Akhir kata, semoga Pelan Strategik Majlis Daerah Tangkak 2026-2030 ini menjadi pemacu utama ke arah pembangunan yang lebih mampan, inklusif dan sejahtera demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan Daerah Tangkak yang kita cintai.

**"BERSIH, HIJAU, BAHAGIA – Aspirasi Kita Bersama"**  
Sekian, terima kasih.



FAKHRUDDIN BIN SHARIFF  
SETIAUSAHA  
MAJLIS DAERAH TANGKAK

**“ TANGKAK KE ARAH  
PERBANDARAN BERSIH,  
HIJAU DAN BAHAGIA ”**



*Aspirasi kita Bergama*

# BAB 1 PENDAHULUAN

- LATAR BELAKANG
- PUNCA KUASA
- FUNGSI DAN OBJEKTIF
- CARTA ORGANISASI

# *Zatar* **BELAKANG** SEJARAH MAJLIS DAERAH TANGKAK

## PUNCA KUASA

- 1937 : Lembaga Bandaran (Akta Lembaga Bandaran Bab 118)  
1952 : Ordinan Majlis Tempatan 1952, Majlis Tempatan ditubuhkan  
1973 : Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara)  
1976 : Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) 1976  
1976 : Majlis Daerah Muar Utara (1.08.1976)  
2001 : Pertukaran Nama kepada Majlis Daerah Tangkak (1.04.2001)  
2009 : Peluasan Kawasan MDT (Mukim Kesang mulai 1.01.2009)

### **KEDUDUKAN MAJLIS DAERAH TANGKAK DI DALAM PENTADBIRAN NEGERI JOHOR**

Penguasa Tempatan merupakan Kerajaan di Peringkat Ketiga selepas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Selepas penyusunan semula Penguasa Tempatan dalam tahun 1976, Majlis Daerah Tangkak yang ditubuhkan pada 1hb Ogos 1976 merupakan gabungan 9 buah Majlis Tempatan seperti di Jadual 1, iaitu:-

**Jadual 1: Gabungan 10 Buah Majlis Tempatan**

BIL.	NAMA	KEDUDUKAN
1.	TANGKAK	IBU PEJABAT
2.	KEBUN BARU	CAWANGAN
3.	SAGIL	CAWANGAN
4.	BUKIT KANGKAR	CAWANGAN
5.	SUNGAI MATI	CAWANGAN
6.	SEROM	CAWANGAN
7.	BUKIT GAMBIR	CAWANGAN
8.	GRISEK	CAWANGAN
9.	KUNDANG ULU	CAWANGAN
10.	KESANG	CAWANGAN
JUMLAH		10 CAWANGAN

Melalui warta yang ini juga keseluruhan kawasan Daerah Tangkak diletakkan dibawah pentadbiran Majlis Daerah Tangkak. Bandar Tangkak sebagai pusat pentadbiran Daerah Tangkak terletak kira-kira 203 km daripada Barat Laut Johor Bahru (26 km dari utara Bandar Muar).

Luas kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Tangkak ialah 13,566 hektar dengan jumlah penduduknya dianggarkan seramai 169,500 orang dan terdapat sejumlah 36,894 pegangan bercukai dalam kawasan ini termasuk 6653 jumlah pegangan pelbagai lesen. Majlis Daerah Tangkak telah mempunyai bangunan pejabatnya sendiri sejak 1hb.September 1987. Bangunan pejabat berharga RM45,000.00 ini telah didirikan di atas tanah seluas 0.8 hektar dan sebahagianya telah dibiayai dari peruntukan Geran Pelancaran yang diterima dari Kerajaan Persekutuan dengan tenaga kerja seramai 182 orang yang terdiri daripada pegawai dan anggota (Tetap / Kontrak / Mystep) di pelbagai Jabatan dan Unit iaitu seperti di Jadual 2:-

**Jadual 2: Jabatan / Unit Majlis Daerah Tangkak**

BIL.	JABATAN / UNIT
1.	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2.	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
3.	JABATAN KEWANGAN
4.	JABATAN KEJURUTERAAN
5.	JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
6.	JABATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN AWAM
7.	JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN LANDSKAP
8.	JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
9.	UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT
10.	UNIT UNDANG-UNDANG
11.	UNIT AUDIT DALAM
12.	UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

Sebuah lagi pejabat cawangan yang baru telah pun beroperasi sejak 2018 iaitu bagi menempatkan pegawai dan anggota Jabatan Perbandaran dan Kesihatan Awam, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Unit Undang-Undang dan Unit Audit Dalam di Pejabat Lama MDT di Jalan Sialang, Tangkak.

Kini, dengan peluasan kawasan Majlis Daerah Tangkak secara rasminya telah diwartakan pada 1.1.2009, keluasannya merangkumi keseluruhan kawasan Mukim Kesang yang dahulunya di bawah pentadbiran Daerah Muar serta Majlis Perbandaran Muar dan pertambahan dua lagi pejabat cawangan yang baru iaitu Pejabat Cawangan Kesang dan di Pejabat Lama MDT di Jalan Sialang, Tangkak menjadikan jumlah sebanyak 11 cawangan dan telah pun beroperasi sepenuhnya pada 1.1.2009.

Pada 01.01.2009 melalui warta Kerjaan Johor dan persempanan semula Daerah , Kawasan Mukim Kesang yang dahulunya dibawah pentadbiran Majlis Perbandaran Muar telah dimasukkan ke dalam Daerah Tangkak menjadikan Daerah Tangkak kini terdiri daripada gabungan 6 Mukim dan 10 buah Majlis Tempatan.

**Jadual 3: Gabungan 10 Buah Majlis Tempatan**

BIL.	NAMA	KEDUDUKAN
1.	TANGKAK	IBU PEJABAT
2.	KEBUN BARU	CAWANGAN
3.	SAGIL	CAWANGAN
4.	BUKIT KANGKAR	CAWANGAN
5.	SUNGAI MATI	CAWANGAN
6.	SEROM	CAWANGAN
7.	BUKIT GAMBIR	CAWANGAN
8.	GRISEK	CAWANGAN
9.	KUNDANG ULU	CAWANGAN
10.	KESANG	CAWANGAN
<b>JUMLAH</b>		<b>IBU PEJABAT 10 CAWANGAN</b>

# **FUNGSI, PERANAN DAN OBJEKTIF**

## **FUNGSI-FUNGSI UTAMA JABATAN / PEJABAT**

### **FUNGSI MAJLIS DAERAH TANGKAK**

Fungsi Majlis Daerah Tangkak ialah memperlengkapkan kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan ini bagi mewujudkan sebuah bandar yang boleh menyediakan pelbagai kemudahan awam kepada masyarakat setempat.

### **FUNGSI ORGANISASI**

- JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

Menyelaras urusan pentadbiran , pengurusan sumber manusia, teknologi maklumat dan integriti bagi memastikan pengurusan dalam berjln lancar, cekap dan telus bg menyokong perlaksanaan tugas utama majlis dlm memberi perkhidmtan terbaik kpd masyarakat.

- JABATAN KEJURUTERAAN**

Memberi perkhidmatan dan menguruskan projek-projek pembangunan infrastruktur dengan baik untuk penduduk dan pembayar cukai di bawah pentadbiran Majlis Daerah Tangkak.

- JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA**

Menjalankan penilaian yang adil dan saksama serta menguruskan harta-harta dengan cekap untuk meningkatkan hasil Majlis Daerah Tangkak secara keseluruhan dan mengurangkan tunggakan selaras dengan peruntukan undang-undang yang ada.

- JABATAN KEWANGAN**

Menyediakan perkhidmatan perakaunan yang meliputi bayaran dan kawalan perbelanjaan serta kutipan hasil Majlis Daerah Tangkak secara menyeluruh bagi memastikan pengurusan kewangan yang cekap selaras dengan peraturan kewangan yang sedia ada.

- JABATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN AWAM**

Memberi Perkhidmatan Perbandaran, Mengawalselia Kebersihan Premis Makanan Dan Kawalan Vektor Serta Keindahan Bandar bagi mewujudkan suasana Persekutuan yang selesa dan sejahtera kepada penduduk dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tangkak.

- JABATAN PERANCANGAN BANDAR & LANDSKAP**

Menentukan trend dan corak pembangunan Majlis Daerah Tangkak. teratur, terancang, terkawal dan bersistematis bagi menjamin mutu kehidupan warga Majlis Daerah Tangkak selesa, harmoni dan sejahtera.

# **FUNGSI, PERANAN DAN OBJEKTIF**

- **JABATAN PELESENAN**

Menyelia, mengawal dan melesenkan aktiviti perniagaan samada premis perniagaan atau penjaja serta menguruskan pengeluaran permit, lesen sementara dan lesen anjing dalam kawasan pentadbiran.

- **JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

Menyediakan perkhidmatan kemasyarakatan dan sebagai medium perhubungan yang mesra di antara warga Majlis Daerah Tangkak dan masyarakat setempat supaya dapat mewujudkan persefahaman dan perpaduan di antara masyarakat yang berbilang kaum serta mewujudkan masyarakat yang bebas dari kemiskinan.

- **UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN KOPORAT**

Merancang, menyelaras dan menguruskan semua aktiviti dan program-program berkaitan perhubungan awam, publisiti Jabatan dan perhubungan media secara sistematik dan teratur serta bertanggungjawab mengawalselia aduan awam disamping memantau dan memastikan semua maklumat jabatan dalam Laman Web dikemaskini.

- **UNIT PUSAT SETEMPAT (ONE STOP CENTER)**

Memendekkan jangka masa memproses permohonan secara serentak cadangan pemajuan sekaligus meningkatkan sistem penyampaian, prosedur dan proses cadangan pemajuan di Pihak Berkuasa Tempatan.

- **UNIT UNDANG-UNDANG**

Melaksanakan undang-undang dengan lebih cekap, tegas dan berhemah bagi menjamin kesejahteraan penduduk dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tangkak.

- **UNIT AUDIT DALAM**

Audit merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertimbangkan tahap operasi organisasi. Unit Audit Dalam bertanggungjawab bagi menjalankan audit pengurusan kewangan dan audit prestasi. Audit Pengurusan Kewangan merangkumi pemeriksaan terhadap system kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada ada perbelanjaan, hasil, asset dan store telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan. Audit prestasi pula merangkumi penilaian terhadap aktiviti sesebuah organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

- **UNIT PENGUATKUASAAN**

Unit Penguatkuasaan berfungsi untuk melaksanakan undang-undang dan penguatkuasaan dengan lebih cekap, tegas dan berhemah kesejahteraan penduduk dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tangkak.

# **FUNGSI, PERANAN DAN OBJEKTIF**

## **OBJEKTIF JABATAN / PEJABAT**

### **OBJEKTIF MAJLIS DAERAH TANGKAK**

Penyusunan semula dan penubuhan Majlis Daerah Tangkak adalah merupakan satu inspirasi sebuah Pentadbiran Kerajaan Tempatan untuk memastikan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Beberapa strategi dan aktiviti-aktiviti telah disusun dan dibentuk supaya pentadbiran Majlis Daerah Tangkak dapat menjalankan tanggungjawabnya bagi mencapai matlamat seperti berikut :-

- Memberi perkhidmatan yang cekap, telus, mesra pelanggan dan berteraskan digital.
- Merancang serta melaksanakan pembangunan mampan dan teratur bagi menjadikan Tangkak sebagai bandar pintar, bersih, hijau dan bahagia.
- Memastikan kebersihan, kesihatan awam, keindahan dan keselamatan persekitaran sentiasa terpelihara.
- Mengurus kewangan serta sumber majlis secara berhemah demi kelestarian organisasi.
- Memperkuuh integriti, inovasi, transformasi digital dan budaya kerja berprestasi tinggi.
- Menggalakkan penglibatan komuniti serta memperkuuh jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak.

## CARTA ORGANISASI





BAB

**2**

**PENCAPAIAN  
PRESTASI  
PELAN STRATEGIK  
2021 - 2025**



# TADBIR URUS YANG BERKUALITI

TERAS 1

Strategi	Program/Inisiatif	Indikator Sasaran (Kuantiti / Kualiti)	Sasaran pencapaian/peratusan				
			2021	2022	2023	2024	2025 (JAN-JUN)
1) Mengekalkan pensijilan dan pengiktirafan	a) Anugerah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan	Pencapaian (5 Bintang)	100%	100%	100%	100.00%	100.00%
	b) Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS	Pencapaian (5 Bintang)	100%	100%	100%	100%	100.00%
2) Pematuhan Kepada Hirarki Dokumen Kerajaan (Akta, Peraturan, Pekeliling, Surat Siaran, Surat-Surat Arahan Kerajaan Negeri dan Memo Dalaman)	a) Kehadiran kakitangan	Tiada Tatatertib	100%	100%	100%	100%	100.00%
	b) Hari Terbuka Kakitangan (Semakan Buku Rekod Perkhidmatan	2 kali setahun	100%	100%	100%	100%	50.00%
	c) Pelan Pusingan Kerja Kakitangan	5 tahun sekali	100%	100%	100%	100%	100.00%
	d) Latihan/kursus	7 hari setahun	100%	100%	100%	100%	50.00%
	e) Pelan Penggantian Sumber Manusia (BARU/ PENCEN)	Pelantikan kakitangan baru	100%	100%	100%	100%	60.00%
	f) Semakan / Pematuhan MyPortfolio yang lengkap	1 tahun sekali	100%	100%	100%	100%	100.00%
	g) Pematuhan kepada Pelan Integriti MDT	Tiada tindakan tatatertib	100%	100%	100%	100%	100.00%
	h) Program Sandaran (Attachment) di PBT lain.	3 kakitangan setahun	100%	100%	100%	100%	34.00%
3) Memantapkan Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Sistem Bagi Meningkatkan Keupayaan Organisasi Dalam Penyediaan Perkhidmatan	a) Menaiktaraf peralatan dan fasiliti ICT Untuk Jabatan	1 kali setahun	100%	100%	100%	100%	100.00%
	b) Keselamatan ICT - Pengemaskinian lesen antivirus dan firewall	1 kali setahun	100%	100%	100%	100%	100.00%
	c) Menaiktaraf Sistem ePBT, aplikasi e-Khidmat, Laman Web Rasmi dan Lain-Lain Sistem	1 kali setahun	100%	100%	100%	100%	100.00%
	d) Menaiktaraf Rangkaian Jalur Lebar Metro E Program/inisiatif	1 kali setahun	100%	100%	100%	100%	100.00%

## TADBIR URUS YANG BERKUALITI

TERAS 1

Strategi	Program/Inisiatif	Indikator Sasaran (Kuantiti / Kualiti)	Sasaran pencapaian/peratusan				
			2021	2022	2023	2024	2025 (JAN-JUN)
5) Pengurusan belanjawan secara efektif	a) Pengurusan belanjawan yang menepati keperluan	-	100%	100%	100%	100%	100.00%
	b) Aliran tunai mencukupi	100%	100%	100%	100%	100%	100.00%
	c) Prestasi perbelanjaan pembangunan melalui peruntukan luar	100%	100%	100%	100%	100%	100.00%
	d) Penjimatan tenaga elektrik pejabat	Penjimatan bil. elektrik	100%	100%	100%	100%	4.85%
6) Memantap fizikal anggota Penguin Kuasa	a) Program Kecergasan Pegawai Dan Anggota Penguin Kuasa (BMI)	Pemeriksaan 2 kali Setahun	100%	100%	100%	100%	50.00%
	b) Merujuk kepada bilangan anggota yang telah dikenalpasti	100%	100%	100%	100%	100%	50.00%
7) Memperkuuhkan Pengurusan Organisasasi Majlis Daerah Tangkak	a) Pematuhan kepada 11 Piagam Pelanggan Pusat Setempat (OSC) MD Tangkak	100%	100%	100%	100%	100%	100.00%
	b) Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)	24 kali setahun	100%	100%	100%	100%	50.00%
8) Memastikan fungsi-fungsi mematuhi peraturan yang ditetapkan.	a) Pelaksanaan Pengauditan Pemeriksaan Mengejut secara berkala dalam tempoh 6 bulan terhadap bilik kebal, panjar wang runcit dan pungutan hasil	2 pelaporan setahun	100%	100%	100%	100%	50.00%
	b) Pelaksanaan Pemeriksaan Mengejut secara berkala terhadap aset dan stor	2 pelaporan setahun	100%	100%	100%	100%	50.00%
	c) Pelaksanaan pengauditan pengurusan Kewangan dan prestasi pengauditan	4 pelaporan setahun	100%	100%	100%	100%	50.00%

# TADBIR URUS YANG BERKUALITI

TERAS 1

Strategi	Program/Inisiatif	Indikator Sasaran (Kuantiti / Kualiti)	Sasaran pencapaian/peratusan				
			2021	2022	2023	2024	2025 (JAN-JUN)
	e) Pelan pengauditan berdasarkan pemantauan Kualiti: MS ISO 9001:2015	1 pelaporan setahun	100%	100%	100%	100%	100.00%
9) Mengekalkan Sistem Pegurusan Kualiti	Pensijilan MS ISO 9001:2015	Mendapat pensijilan	100%	100%	100%	100%	100.00%
10) Memupuk Budaya Inovasi	a) Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)	4 kumpulan	100%	100%	100%	100%	50.00%
	b) Menganjurkan Pertandingan KIK Peringkat Dalaman	4 kumpulan	100%	100%	100%	100%	50.00%
	c) Menyertai Pertandingan KIK Peringkat Luaran	1 kumpulan	100%	100%	100%	100%	50.00%
	d) Menerima Anugerah KIK	1 kumpulan	100%	100%	100%	100%	100.00%
11) Mewujudkan Persekutuan Kerja yang Kemas, Bersih dan Teratur	Mengekalkan Kecemerlangan EKSA peringkat Majlis Daerah Tangkak	tahap kepuasan pekerja	80%	80%	80%	100%	Ditangguhkan
12) Penilaian Tahap Kepuasan Pelanggan	Kajian Kepuasan Pelanggan	tahap kepuasan pelanggan	100%	100%	80%	100%	95.00%
13) Kajian terhadap undang-undang lapuk (lama) dan mewartakan semula	a) Undang-Undang Kecil SPA.		100%	100%	100%	80%	100.00%
	b) Undang-Undang kecil Penjaja.		100%	100%	100%	90%	100.00%
	c) Undang-Undang Kecil Iklan		100%	100%	100%	100%	100.00%

# HASIL YANG MENCUKUPI

TERAS 2

Strategi	Program/Inisiatif	Indikator Sasaran (Kuantiti / Kualiti)	Sasaran pencapaian/peratusan				
			2021	2022	2023	2024	2025 (JAN-JUN)
1) Meningkatkan pelaburan simpanan tetap	Hasil pelaburan simpanan tetap  (asas tahun 2020)		100%	100%	100%	100%	100.00%
2) Mengawal aktiviti perniagaan dalam Daerah Tangkak	Peningkatan Hasil Lesen Perniagaan a) Kilang Haram Tahun 2021 - 48 buah kilang		100%	100%	100%	50%	100.00%
3) Semakan Kadar Lesen							
4) Mengurangkan Tunggakan Kompaun	a) Kempen Pengurangan Kompaun 70% setahun sekali	Kompaun pengurangan Awal Tahun Dan Akhir Tahun	100%	100%	100%	100%	100.00%
	b) 30% kutipan tunggakan	(Jumlah kompaun 16,469 sehingga Bahagian Penguatkuasa 31.12.2021)	100%	100%	100%	100%	100.00%
	(Jumlah kompaun 16,469 sehingga Bahagian Penguatkuasa 31.12.2021)						
5) Pelaksanaan kerja-kerja penilaian semula kadar cukai taksiran	Melaksanakan penilaian semula mengikut tempoh berdasarkan Sek. 137, Akta 171.	25,000 Pegangan	100%	100%	50%	100%	100.00%
6) Penerokaan hasil baru	Program penswastaan bagi harta milik MDT 1) Bekoh 2) Kawasan Rekreasi Kesang		100%	100%	100%	100%	20.00%
7) Tunggakan cukai dan pengurangan cukai	Pelaksanaan Taskforce kutipan tunggakan dan pembersihan data (RM3,000,000.00 - 2023)	Sasaran kutipan 3 Juta	10%	10%	10%	100%	100.00%
8) Sewaan harta MDT	Memastikan sewaan premis MDT disewa seperti berikut : 1) Gerai -90% 2) bangku pasar - 60%	100% Sewaan Gerai 100% Bangku Pasar	100%	100%	100%	100%	100.00%
	Memastikan sewaan premis MDT disewa meningkat seperti berikut : 1) Gerai -95% 2) bangku pasar - 65%	Memastikan sewaan premis MDT disewa meningkat seperti berikut: 1) Gerai - 95% 2) Bangku pasar - 65%	100%	96%	100%	100%	100.00%
9) Tunggakan sewaan harta MDT	Pelaksanaan Taskforce kutipan tunggakan dan pembersihan data (RM27,000.00 - 2021)	RM27,000.00	100%	100%	100%	100.00%	100.00%

# PEMBANGUNAN MAMPAN

TERAS 3

Strategi	Program/Inisiatif	Indikator Sasaran (Kuantiti / Kualiti)	Sasaran pencapaian/peratusan				
			2021	2022	2023	2024	2025 (JAN-JUN)
1) Meningkatkan Kualiti Jalan Untuk Keselesaan Penduduk Taman	Menaiktaraf Jalan Sedia Ada Di Kawasan Pentadbiran MDT Sepanjang 10km Setahun	10km / setahun	80%	80%	80%	40%	12.00%
2) Meningkatkan Kualiti Perparitan Untuk Keselesaan Penduduk Taman	Naiktaraf Sistem Perparitan 2km setahun	2KM Setahun	100%	100%	100%	100%	66.05%
3) Meningkatkan Kualiti Sistem Pencahayaan	Menaiktaraf Lampu Jalan Jenis SON Kepada LED sasaran 500 biji 5 tahun	100 biji / setahun	100%	100%	100%	3%	79.00%
4) Perbelanjaan Berhemah	Prestasi Pembelanjaan Pembangunan dari sumber luar	RM8,753,564.00	95%	100%	100%	100%	90.60%
5) Melaksanakan perancangan dan pembangunan bandar yang mampan dan makmur.	Pematuhan Rancangan Tempatan Daerah Tangkak 2016-2030 (Bilangan Pemohon Yang Tidak Mematuhi)	100%	100%	100%	100%	50%	100.00%
6) Mewujudkan Persekuturan Landskap yang Indah dan mampan	a) Penanaman pokok teduhan baru setiap setahun (100 batang pokok teduhan setahun)	100%	100%	100%	100%	100%	100.00%
	b) Meningkatkan Imej Dan Fungsi Landskap Baru Dan Sediada (1 Projek Setahun)	100%	100%	100%	100%	100%	200.00%
7) Bandar Mampan	Peratus pencapaian dalam penilaian MURNInets (>80%)	>80%	80%	80%	80%	95%	0.00%
8) Mewujudkan Bandar Selamat	Perlaksanaan Inisiatif-Inisiatif Dalam Bandar Selamat (Cermin Keselamatan, Pengasingan Pejalan Kaki, Outdoor CCTV, Papan tanda Peringatan Jenayah DLL)	100%	100%	100%	100%	100%	100.00%

## PERSEKITARAN YANG KONDUSIF

TERAS 4

